

Nama Tingkatan



قَسْرَتِيكَ عَزَّ وَجَلَّ إِذَا رَجَلَيْتَنِي فَجَعَلْتَنِي
مَعَهُ كَرَامَاتٍ سَكُونُ لِي مَنَجِبَاتٍ وَكَأَمْ عَرَبٍ بَدِينَاتٍ
يَا يَاسَنَ إِسْلَامَ كَلْتَنَ



1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos
2012
2 $\frac{1}{4}$ jam

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

TINGKATAN 5

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di atas kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*


Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak

Bahagian A

[Masa dicadangkan : 45 minit]

[30 markah]

Gambar di bawah menunjukkan salah satu tempat bersejarah yang terdapat di Malaysia. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah melawat tempat-tempat bersejarah di negara kita. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 perkataan.

TEMPAT BERSEJARAH DI NEGARA KITA

Bahagian B*[100 markah]**[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]*

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Sekolah anda berhasrat untuk melahirkan "Sekolah Cemerlang Bertaraf Dunia".

Selaku ketua pelajar, anda dikehendaki mencadangkan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak sekolah untuk meningkatkan kecemerlangan dalam bidang akademik, kokurikulum, sahsiah, dan persekitaran fizikal.

2. Kebersihan sangat penting dalam kehidupan.

Huraikan peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa untuk mendidik anak-anak agar sentiasa mementingkan kebersihan dalam kehidupan seharian.

3. Suatu ketika dahulu semangat kejiranan menjadi sebahagian daripada budaya hidup dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara kita tetapi kini amalan murni ini semakin terhakis.

Bincangkan.

4. Krisis politik yang berlaku di sesebuah negara bukan sahaja mendatangkan kesan buruk kepada negara terbabit tetapi juga kepada negara-negara lain.

Jelaskan pernyataan tersebut.

Sikap Si Luncai, biarlah, biarlah...
Ada rumah tidak dijaga,
Ada anak tidak dilatih,
Ada ternakan tidak dibela,
Ada kebun tidak ditanam,
Ada cerdik tidak selidik,
Ada belajar kepalang ajar,
Ada mengaji tiada mengkaji,
Ada mata tiada kuasa,
Ada kuat tiada buat,
Biarlah, biarlah.....!
Si Luncai pun terjun dengan labu-labunya.

(Dipetik daripada *Seloka Si Luncai*,
Antologi Dirgahayu Bahasaku, DBP, 2010)

5. Tema "Seloka Si Luncai" di atas ialah sikap negatif akan mendatangkan kerugian. Sikap malas dan tidak bertanggungjawab akan mendatangkan kerugian kepada diri sendiri, masyarakat, negara, dan agama.

Huraikan pendapat anda tentang kesan-kesan buruk apabila wujudnya masyarakat yang tidak bertanggungjawab.

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faedah-faedah amalan berjoging dan kekangan yang dihadapi oleh masyarakat untuk berjoging. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Masyarakat Malaysia sudah sedar akan faedah penjagaan kesihatan. Sekiranya kita berpeluang mengunjungi taman-taman rekreasi pada waktu petang, kita akan dapat melihat banyak orang yang melakukan pelbagai jenis aktiviti riadah sama ada berjalan kaki, berjoging atau bersenam dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan. Amalan berjoging boleh dilakukan di kawasan taman, di tepi sungai, tasik, pinggir pantai, dan lain-lain. Berjoging boleh dilakukan pada bila-bila masa tanpa mengira jantina dan usia. Di negara China dan Jepun, warga emas yang berusia lebih 70 tahun masih lagi aktif berjoging.

Berjoging bersama-sama keluarga boleh merapatkan lagi hubungan mesra dalam kekeluargaan. Perasaan kasih sayang antara anak dengan ibu bapa yang sering berjauhan dengan anak-anak juga akan dapat dipupuk. Oleh itu, seseorang bapa patut mengajak anak-anak dan isteri agar berjoging bersama-sama terutama pada hari minggu atau pada musim cuti sekolah. Semasa berjoging hubungan anak-anak dengan ibu bapa semakin rapat. Ibu bapa hendaklah memilih lokasi yang sesuai untuk berjoging bersama keluarga. Kawasan berjoging yang paling sesuai untuk keluarga ialah di taman rekreasi, pinggir pantai, kampung halaman, dan tasik. Semasa rehat berjoging pula, anak-anak boleh bertukar-bertukar pendapat dengan ibu bapa mereka.

Sesetengah golongan wanita pula melakukan amalan berjoging untuk menjaga bentuk badan. Wanita yang selalu berjoging akan dapat mengekalkan susuk tubuh agar sentiasa kelihatan menarik. Mereka akan berasa rimas apabila melihat badannya berkeadaan gemuk terutama bagi gadis-gadis yang belum berkahwin atau wanita yang sudah melahirkan anak. Wanita yang suka akan kecantikan sudah tentu akan memilih amalan berjoging daripada berkunjung ke pusat-pusat kecantikan. Berjoging juga tidak menuntut apa-apa perbelanjaan atau melibatkan kos yang tinggi berbanding dengan amalan penjagaan kesihatan yang lain. Kunjungan ke pusat gimnasium, padang golf, dan pusat sukan memerlukan kos yang tinggi. Hal ini demikian tidak sesuai bagi mereka yang berpendapatan kecil.

Di tempat berjoging seperti di taman dan tasik selalunya menjadi kunjungan pelbagai kaum pada waktu pagi dan petang. Di situ akan menjadi tempat pertemuan sahabat handai, kenalan, jiran tetangga, dan juga kaum yang lain. Oleh itu, interaksi kaum dan semangat setia kawan akan dapat diwujudkan bagi menyemai semangat perpaduan yang utuh. Sekiranya amalan berjoging dilakukan dengan betul, maka daya ketahanan badan akan meningkat. Hal ini demikian kerana kita akan dapat menyedut oksigen yang banyak dan ini juga bermakna semua organ di dalam badan kita akan dapat berfungsi dengan baik terutama otak.

Selain itu berjoging juga akan dapat *meningkatkan stamina para atlet* pelari jarak jauh. Otot mereka tidak akan menjadi kejang semasa berlari pantas untuk mengejar kemenangan dalam pertandingan. Sebenarnya para atlet memerlukan latihan harian dengan berjoging secara rutin. Pergerakan otot badan mereka akan menjadi stabil dan

menghasilkan kesan kekuatan tenaga yang maksimum. Oleh itu, ketegangan dan tekanan fikiran akan hilang terutama ketika para atlet berada di pentas pertandingan.

Menurut pakar perubatan, seseorang yang berjoging ketika cuaca lembap seperti pada awal pagi atau pada waktu malam ketika embun sudah turun, mereka mungkin akan mudah terkena selesema, demam paru-paru, asma, atau penyakit kulit. Berjoging ketika keadaan gelap juga seolah-olah mengundang kemalangan lebih-lebih lagi jika seseorang itu melakukan aktiviti itu di lebuhraya dan di tepi jalan raya yang sibuk. Di tepi jalan raya mengundang seseorang itu menyedut udara yang tercemar oleh asap kenderaan dan habuk. Jelaslah menunjukkan bahawa sekiranya kita melakukan aktiviti ini secara membabi buta maka berjoging juga akan mendatangkan risiko kepada diri dan kesihatan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "*Berjoging: Perubahan hidup masyarakat*" oleh Nur Hajar binti Ishak, Dewan Siswa, Januari, 2011)

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *meningkatkan stamina para atlet*.
[2 markah]
- (ii) Apakah kesan-kesan buruk amalan berjoging kepada masyarakat?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menggalakkan masyarakat agar sentiasa berjoging bagi meningkatkan tahap kesihatan mereka?
[4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Mak Timah yang sedang sakit, terpaksa membersihkannya. Dengan termengah-mengah, Mak Timah menguruskan juga tugasnya menjaga dia yang tidak dapat bertindak apa-apa. Jika tidak dibersihkan akan sehari suntuklah dia dalam kekotoran. Sehari suntuklah dia akan berendam dengan air kencing, bergelumang dengan najisnya sendiri. Kadang-kadang Mak timah hairan memikirkan nasib dia. Mak Timah memberi nama gelarannya Pungut. Nama sebenarnya ialah Zahara, manakala nama asalnya ialah Yap Siew Hong. Mak Timah hairan memikirkan keadaan fizikal Pungut. Sangat kecil, sangat halus. Menurut kata doktor, semasa pungut masih bayi dahulu, Pungut hanya boleh hidup dalam jangka masa satu atau dua tahun. Pungut tidak boleh hidup lama, kata doktor, kerana seluruh organ dalam tubuhnya amat halus dan kecil, tetapi kuasa Tuhan, doktor bukan Tuhan, ramalan doktor salah. Kini Pungut telah berusia dua puluh empat tahun. Tuhan berkuasa atas segala-galanya. Pungut tidak mati-mati. Mak Timah hairan, orang yang sihat, orang kaya, semuanya mati. Tetapi Pungut tidak juga mati-mati.

“Mungkin Tuhan nak uji kesabaran aku, menjaga dia,” fikir Mak Timah.

“Mungkin Tuhan nak banyakkkan dosa aku,” fikir Mak timah lagi.

Pungut telah dimandikan. Kini tiba masanya untuk memberinya makan. Semasa menyuapkan Pungut, Mak Timah terbayangkan kisah yang berlaku dua puluh empat tahun yang lalu.

Bibik sebelah rumah, jiran Mak Timah tergesa-gesa datang ke rumahnya. Dari wajah Bibik jelas kelihatan rasa cemas dan penuh kesedihan. Mak Timah dan anak-anaknya sedang enak menggoreng pisang.

“Mengapa Bik?” Mak Timah bertanya.

“Siew Lan,” jawabnya lambat.

“Mengapa Siew Lan?” tanya Mak Timah lagi, sementara mulut anaknya Katijah dan Munah melopong melihat Bibik.

(Dipetik daripada cerpen “*Pungut Alias Zahara Alias Yap Siew Hong*,” oleh Mohamed Latiff Mohamed, dalam *Antologi Dirgahayu Bahasaku*, DBP, 2010)

- (i) Bagaimanakah keadaan fizikal Pungut?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk membela nasib yang dihadapi oleh Orang Kurang Upaya?
[4 markah]
- (iii) Huraikan dua persoalan yang terdapat dalam petikan di atas dan satu persoalan lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.
[3 markah]

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata Indera Nata, "Hai mak inang, akulah ini Indera Nata serta tuan puteri tujuh orang itu dan adalah aku bawa ini!"

Maka mak inang pun segeralah membukakan pintu itu lalu ia pergi memberitahu akan Tuan Puteri Cenderawati. Setelah bondanya menengar Indera Nata datang itu maka segeralah ia mendapatkan anakanda itu.

Arakian maka tuan puteri pun terlihatlah kepada tuan puteri tujuh orang itu dibawa oleh anakanda itu. Maka hati bondanya pun terlalu sukacita melihat anakanda itu. Maka lalu ia memeluk mencium anaknya itu seraya katanya, "Wah anakku tuan, hiduplah rasa hatiku tuan dan nyawa bonda tuan adapun selama anakku pergi itu tiadalah aku mau makan dan minum dan tidur daripada sangat aku bercintakan anakku ini!"

Hatta maka Indera Nata pun lalu menyembah lalu sujud kepada bondanya itu serta kata bondanya sambil bercucuran air matanya, "Hai anakku Indera Nata, betapakah anakku beroleh gajah bergadingkan emas ini dan tuan puteri sekalian?"

Maka Indera Nata pun *berceterakan hal ehwalnya daripada permulaannya datang kesudahannya itu*. Maka tuan puteri pun menangis menengar cetera anaknya itu serta katanya, "Wah anakku tuan, adapun jika anakku tiada datang nescaya matilah bonda ini tuan!"

Maka Indera Nata pun terlalu kasihan menengar kata bondanya itu. Sebermula maka tuan puteri yang ketujuh orang itu pun bercintakan ayah bondanya. Seketika maka ia pun menangis pula bersama-sama bonda Indera Nata itu. Setelah sampailah kepada tengah malam tiadalah beroleh tidur. Adapun tangisnya itu dua perkara suatu sebab bertemu dengan anakanda Indera Nata dan kedua tangisnya itu sebab bercerai dengan ayahandanya. Setelah itu maka hari pun sianglah, maka tuan puteri yang ketujuh orang itu pun berdiamlah ia bersama-sama dengan Tuan Puteri Cenderawati.

(Dipetik daripada "*Hikayat Indera Nata*," dalam *Antologi Harga Remaja*, DBP, 2009)

- (i) Apakah maksud rangkai kata "*berceterakan hal ehwalnya daripada permulaannya datang kesudahannya itu*?"
[2 markah]
- (ii) Bagaimanakah reaksi Indera Nata setelah menemui bondanya Tuan Puteri Cenderawati?
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah seseorang anak dapat merapatkan hubungan kasih sayang dengan ibu bapa mereka?
[3 markah]

Soalan 2 (d) Puisi

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

KECEK-(V)

1

seorang pengarah
membuka akaun semasanya
di sebuah bank ternama
tetapi dalam diam
dia mencantumkan kemiskinan
orang lain
ke dalam amanahnya
yang telah lama pecah.

2

di kampung
seorang petani
membuka akaun kemiskinannya
di ruang kedaifan
dan mengunci sedozen anak-anaknya
di dalam pagar sengsara
tetapi dia tidak pernah mencantumkan
kekayaan orang lain
ke dalam getirnya
yang sudah lama
berumbi.

3

di pantai
seorang nelayan
membuka akaun sengsaranya
di rahang laut ternganga
dan mengurung sederet anak-anaknya
di bawah pusaran nasib
tapi dia tidak pernah mengumpul
kesenangan orang lain
ke dalam kegusarannya
yang telah sekian musim
berlumut
di papan hidupnya.

4
Tuhan tidak pernah mungkir
mencatatkan setiap angka
dan nilai hitungan paling kecil
ke dalam akaun-Nya
di rumah keadilan.

(Dipetik dalam *Antologi
Dirgahayu Bahasaku,
DBP, 2010*)

- (i) Mengapakah penyajak menyatakan bahawa sesetengah orang kaya sanggup melihat orang lain hidup susah?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah golongan petani dan nelayan tidak suka menyusahkan orang lain untuk mendapatkan rezeki?
[4 markah]
- (iii) Huraikan **tiga** pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas.
[3 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

- (a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap kata majmuk di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa dan nama khas.
- (i) hak asasi
(ii) hak cipta
(iii) hak istimewa
(iv) hak mengundi
(v) hak mutlak
(vi) hak pusaka

[6 markah]

(b) Berdasarkan ayat-ayat di bawah, bina ayat tanya dengan menggunakan kata tanya yang betul. Kata tanya yang digunakan hendaklah bersesuaian dengan rangkai kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat yang diberi.

- (i) Encik Ahmad dan isteri bertolak ke Kuala Lumpur pada hari Ahad.
- (ii) Tuan Haji Jaafar Sidek Pegawai Kanan Korporat Bank Islam cawangan Gopeng.
- (iii) Dua ekor badak sumbu di Zoo Melaka telah mati kerana termakan racun rumpai.
- (iv) Para petani di kawasan Ladang Lebir mengatasi masalah pencerobohan itu dengan cara memasang pagar elektrik.
- (v) Bot panjang digunakan oleh pasukan bomba dan penyelamat untuk memadam api di kawasan rumah panjang kaum Iban di pinggir Sungai Kinabatangan.
- (vi) Kemalangan ngeri yang meragut 12 nyawa itu berlaku di Lebuh Raya Jerangau-Jabur.

[6 markah]

(c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pilihanraya kecil akan diadakan di kawasan parlimen Kulim dalam tempoh 60 hari kerana wakil rakyatnya telah mengisytiharkan muflis oleh mahkamah.
- (ii) Perjanjian itu terpaksa dibatalkan oleh pihak suruhanjaya kerana dua orang saksi enggan diturunkan tanda tangan dalam borang yang disediakan.
- (iii) Spesis tumbuh-tumbuhan semula jadi di hutan Sarawak perlu melestarikan untuk mengelakkan daripada berlaku kepupusan.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata dan istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kata-kata aluan dalam Majalah Perkasa itu mempunyai unsur patriotik untuk meniupkan keberanian cinta akan tanah air kepada golongan remaja.
- (ii) Orang-orang Iban yang tinggal di kawasan Kundasang merupakan salah satu kaum tempatan Sabah yang masih mengamalkan cara hidup tradisi di rumah panjang.
- (iii) Dua buah kapal dagang dari China terpaksa berhenti di Pelabuhan Kelang beberapa hari selama untuk membaiki kerosakan di bahagian kemudi.

[6 markah]

(e) *Nyatakan satu peribahasa yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah.*

Masyarakat Kampung Permatang Tengah terkenal dengan semangat bekerjasama dan suka tolong-menolong dalam sesuatu pekerjaan terutama dalam majlis kenduri. Mereka hidup dalam keadaan(i)..... Masyarakat di bandar pula lebih suka hidup mementingkan diri sendiri. Jika berlaku sesuatu masalah, mereka terasa berat untuk membantu. Keadaan ini berpunca daripada latar belakang hidup yang berbeza kerana sikap mereka yang berkeadaan(ii)..... Namun, keistimewaan tinggal di bandar, penduduknya akan terasa aman kerana tiada orang yang menyibuk akan hal orang lain. Sedangkan jika di kampung, apabila berlaku sahaja sesuatu perkara, akan gemparlah seluruh kampung seperti
(iii).....

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd. Hanafiah
- (ii) Papa... (*akhirnya kau tewas jua*) karya Deana Yusof
- (iii) Renyah karya Gunawan Mahmood
- (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
- (v) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
- (vi) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussin
- (vii) Sutera Dalam Lukisan karya Abd. Talib Hassan
- (viii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah

- (a) Watak utama dalam sesebuah novel sering dipaparkan oleh pengarang sebagai watak yang mengalami konflik.

Huraikan **dua** konflik yang dialami oleh watak utama dalam sebuah novel yang anda pelajari dan bagaimanakah konflik itu dapat diselesaikan olehnya?

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda telah pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang memaparkan nilai kasih sayang dalam setiap novel.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT